

SUTD, SMU tawar program dwijazah

PELAJAR cemerlang yang meminati bidang perniagaan dan kejuruteraan kini boleh mengejar dua ijazah dalam dua bidang itu pada satu masa.

Ini menyusuli langkah Universiti Teknologi dan Reka Bentuk Singapura (SUTD) dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU) menawarkan program dwijazah bersama mulai tahun ini.

Kursus empat tahun jurusan teknologi dan pengurusan itu akan mengambil kumpulan pelajar pertama sehingga 45 pelajar warga Singapura, Mei ini.

Ini kali pertama kerjasama seperti itu dilaksanakan dalam kalangan lima universiti tempatan Singapura.

Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU) juga menawarkan program dwijazah, namun ia dikelolakan secara sendirian atau bersama institusi luar negara.

Pelajar program dwijazah baru itu akan belajar di kedua-dua kampus – SUTD dan SMU – dan diajar oleh tenaga pengajar kedua universiti.

Apabila lulus, mereka akan menerima dua ijazah – sarjana muda pengurusan perniagaan daripada SMU dan sarjana muda kejuruteraan daripada SUTD – dengan pengkhususan dalam salah satu bidang ‘tunggak’ SUTD.

Bidang itu sama ada pembangunan produk kejuruteraan, sistem dan reka bentuk kejuruteraan atau teknologi dan reka bentuk sistem maklumat.

Presiden SMU, Profesor Arnoud De Meyer, semasa mengumumkan program baru itu dalam satu sidang akhbar kelmarin berkata bahawa ia bertujuan menghasilkan lulusan yang mempunyai asas baik dalam bidang teknologi dan pengurusan.

Pelajar program itu juga berpeluang melalui pengalaman pembelajaran bersepada dan bersifat antara bidang, kata beliau.

Presiden SUTD, Profesor Thomas Magnanti, pula berkata: “Dunia memerlukan ahli teknologi yang memahami dunia perniagaan serta individu yang mempunyai asas dalam perniagaan yang memahami teknologi.”

Program dwijazah itu adalah sebahagian daripada memorandum persefahaman (MOU) yang ditandatangani SMU dan SUTD pada Oktober 2011.

MOU itu bertujuan membolehkan kedua-dua universiti bekerjasama dalam pendidikan, penyelidikan serta pertukaran antara pelajar dan tenaga pengajar.

Pelajar maktab rendah, politeknik, Sekolah Tinggi NUS dan program *International Baccalaureate* (IB) boleh memohon menyertai program tersebut sehingga 1 April.